

28/03/1997

Menyerlah peranan Muslim Nusantara dalam OIC

Abdurrahman Haqqi

JIKA kestabilan politik dan keamanan negara yang menjurus ke arah kepesatan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran rakyat sesebuah negara boleh ditanda dengan fenomena ketiadaan tampuk pimpinan negara dan timbalannya di dalam negara pada masa yang sama kerana tugas rasmi di luar negara, tidak salah jika mengetengahkan Malaysia sebagai contoh.

Beberapa hari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim berada di luar negara untuk tugas rasmi pada masa yang sama. Perdana Menteri berada di Riyadh, Arab Saudi untuk menerima anugerah Al-Malik Faisal Prize - penyaing Noble Prize yang prestij itu - sebagai pengiktirafan atas kejayaan kepemimpinan beliau dalam menakhodai kapal Malaysia manakala Timbalannya berada di Islamabad untuk mempromosikan kejayaan berkenaan dalam mesyuarat luar biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Sungguh suatu nikmat Allah yang mesti disyukuri seluruh rakyat Malaysia.

Keimanan kepada kebenaran al-Quran mewajibkan kita untuk mempercayai bahawa kita diciptakan Allah dalam pelbagai bangsa dan kaum untuk saling mengenal dan kemuliaan di sisi Allah hanyalah ditentukan oleh kadar takwa yang dimiliki seseorang (Surah al-Hujurat: 13) dan bahawa umat mukmin adalah bersaudara (Surah al-Hujurat: 10). Dengan realiti ini kita juga digalak berlumba-lumba dalam berbuat kebajikan (Surah al-Baqarah: 148). Namun, segala upaya kita untuk menyatukan mereka tidaklah terlepas daripada kehendak Allah (Surah al-Anfal: 63).

Muslim Nusantara sebagai satu suku bahagian daripada umat Islam dunia sudah sepatutnya mengambil bahagian yang dominan dan aktif dalam perhimpunan negara anggota OIC. Sepanjang sejarah umat Islam dunia, peranan Muslim Nusantara dalam menentukan kebijaksanaan dan mengendali arah tuju sejarah umatnya sangat minimum berbanding umat lain seperti Arab, Parsi, Turki dan India (bukan dalam pengertian kenegaraan moden sekarang, tetapi sebagai istilah al-Hind yang termasuk dalam istilah ma wara an-nahr dalam sejarah permulaan Islam).

Sepanjang sejarah di atas, kita hanya menjadi ekor yang selalu mengikuti kepala ke mana dia pergi. Kita lebih mengenal sejarah tamadun umat Islam yang dibangun saudara kita dari Arab, Parsi, Turki dan India daripada mengenali sejarah tamadun Islam yang didirikan Muslim Nusantara sendiri. Kita lebih biasa dengan kisah kerajaan Islam Umawiyah, Abbasiyah, Othmaniah, Shafawiyah (Iran), dan Ghannusiah (India) daripada kisah-kisah kerajaan Islam Nusantara seperti Melaka, Pasai, Aceh, Demak, Mataram Islam, Ternate dan Bugis.

Kita menyedari bahawa kelemahan di atas memang terletak dalam diri kita sendiri sebagai Muslim Nusantara kerana, sebagai salah satu sebabnya, kurangnya karya tulis rujukan dalam perkara di atas. Kita banyak merujuk kepada hikayat dari mulut ke mulut yang terkadang lebih berbentuk legenda daripada mempunyai nilai sejarah dan faktual. Kita akui bahawa bidang penulisan Muslim Nusantara silam sangatlah terbatas tidak seperti saudara mereka dari Arab, Parsi, Turki dan India yang perpustakaan mereka penuh dengan bukti tertulis sejarah yang dihasilkan ulama dan cendekiawan mereka.

Biarkan saudara Arab kita dengan keupayaan dan kebolehan mereka dalam membangun tamadun Islam moden. Begitu juga dengan saudara kita dari Parsi, Turki dan India. Dan kita juga mesti menunjukkan keupayaan dan kebolehan kita. Ini tidak bererti kita mengajak kepada asabiyah atau fanatisme

Muslim Nusantara kerana asabiyah yang ditegah adalah asabiyah dalam berbuat kezaliman.

Satu hari, Rasulullah ditanya seorang sahabat bernama Watsilah bin al-Asqa': "Wahai Rasulullah, apakah termasuk asabiyah jika seseorang itu mencintai bangsanya?" Nabi menjawab: "Tidak, tetapi yang termasuk asabiyah adalah jika seseorang menolong bangsanya dalam melakukan kezaliman." (HR Ahmad & Ibn Majah).

Pada akhir-akhir ini, alhamdulillah, kita sudah mulai aktif selepas melintasi sempadan pasif dan proaktif selama beberapa dekad permulaan sejarah Islam moden. Dengan penuh keyakinan diri kita membangun dan mendirikan mahligai kestabilan politik, kerukunan dan keharmonian sosiobudaya, kepesatan dan kecergasan sosioekonomi di samping pemantapan perpaduan dan kesatuan.

Dan perkara di atas memang dipromosikan Anwar di Islamabad termasuk dalam ucapan beliau di Institut Kajian Strategik Pakistan itu dan juga menjadi kenyataan dengan penganugerahan Al-Malik Faisal Prize kepada Dr Mahathir. Tentunya kedua-dua tokoh ini tergolong sebagai pemimpin Muslim Nusantara yang diiktiraf keupayaan dan kebolehannya dalam meneraju sejarah umat Muslim Nusantara moden khasnya dan rantau Asia amnya. Alhamdulillah.

(END)